

Artikel Penyelidikan

Kepentingan Geo Strategi kepada Malaysia menurut pakar Prof Dr Azmi Hassan.

Fatin Nur Zulkipli^{1*}, Nurulannisa Abdullah², Muhammad Adam Syafiq Mohamed Zaid³, and Muhammad Nabil Izani⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0002-5294-9125

² UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0003-3234-9066

³ UiTM Cawangan Kelantan; syafiqadam745@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; nabilizani98@gmail.com

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +0124515040

Abstrak: Temubual dilakukan bersama Prof Dr Azmi Bin Haji Hassan, seorang Pakar Geostrategi untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang pensyarah, Pakar Geostrategi di Malaysia. Temubual ini dijalankan melalui platform atas talian iaitu Google Meet pada 20 Jun 2021 setelah mendapat persetujuan oleh beliau. Beliau merupakan seorang pensyarah yang berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di bawah Fakulti Teknologi Dan Informatik Razak. Selain memberi ulasan di Utusan Malaysia untuk mengupas mengenai isu pertahanan, strategik dan geopolitik antarabangsa, beliau juga telah menulis lebih dari 600 artikel di lain-lain media massa. Tugas beliau bukan sahaja sebagai seorang pensyarah malah sebagai seorang pakar geostrategi dan penganalisis politik. Beliau sering dijemput oleh pihak siaran media seperti Astro Awani dan juga Media Prima TV3 untuk mengupas isu-isu semasa. Beliau telah dipanggil untuk mengulas isu mengenai isu kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370, Pandemik Covid-19 dan juga isu berkenaan vaksin Covid-19. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh beliau lebih-lebih lagi dalam dunia geo-strategik ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: geostrategi; vaksin; Covid-19; kerajaan malaysia; pakar geostrategi



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kajian dan penyelidikan ini dilakukan untuk mencari, mengetahui dan mengkaji tokoh-tokoh tempatan yang berasal dari Pantai Timur, seorang tokoh di Kelatan, Terengganu mahupun Pahang. Temu bual tokoh tersebut dibuat secara lisan melalui temuduga atas talian untuk mengetahui info berkenaan dengan beliau dengan secara lebih mendalam lagi. Tokoh tersebut mesilah mempunyai suatu nilai ketekunan yang boleh menjadikan beliau sebagai model rujukan mengenai jasa-jasa beliau ataupun sejarah-sejarah mengenai kehidupan beliau.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah utama dalam kajian ini ialah mencari seorang yang betul-betul layak bergelar seorang tokoh. Ini kerana untuk dijadikan seorang tokoh, seseorang itu mestilah mempunyai jasa mahupun sejarah-sejarah yang menarik mengenai kehidupan beliau. Tidak semua orang dapat dijadikan tokoh

walaupun pakar dalam bidang masing-masing. Masalah yang kedua ialah mencari maklumat secara atas talian. Ini kerana maklumat yang dijumpai dan diperolehi mengenai tokoh-tokoh yang dipilih amatlah sedikit. Ini akan menimbulkan kesulitan kepada pengkaji dalam mencari maklumat lanjut tentang bahan kajian.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah:-

- 3.1 Mencari dan mengenalpasti tokoh tempatan yang berasal dari Pantai Timur untuk dijadikan sebagai tokoh kajian dan juga sebagai sumber utama rujukan.
- 3.2 Mengkaji dan menemu-bual tokoh ini untuk mengetahui lebih dalam lagi tentang jasa-jasa beliau dan juga sejarah kehidupan mereka.

4. PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang terdapat di dalam kajian ini adalah:-

- 4.1 Siapakah yang dikenali sebagai pakar geo strategi di Malaysia?
- 4.2 Apakah kriteria ataupun ciri-ciri yang membolehkan seseorang itu diangkat menjadi seroang tokoh?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kepada kita terutamanya sebagai seorang rakyat Malaysia, kerana kajian ini akan memberi maklumat kepada semua golongan. Antaranya ialah faedah kepada masyarakat yang dapat mengenali tokoh ilmuwan yang ada di Malaysia dan telah banyak berjasa kepada negara. Selain itu, kajian ini telah mengangkat dan memberi pengiktirafan kepada tokoh ilmuwan yang banyak berjasa kepada negara. Akhir sekali, kajian ini turut memberi ruang untuk semua dapat mengenali dan mengenang jasa tokoh-tokoh ilmuwan di Malaysia ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Geo strategi adalah sub-bidang geo-politik. Ia adalah sejenis dasar luar yang didorong terutamanya oleh faktor geografi. Faktor geografi dapat mempengaruhi, menyekat atau mempengaruhi rancangan politik dan ketenteraan. Seperti semua strategi lain, geo-strategi memberi tumpuan kepada kaedah akhir yang sesuai dan dalam kes ini, sumber daya negara mempunyai tujuan geopolitik. Strategi dan geografi berkait rapat dengan nasionalisme secara geografi, atau, seperti yang dikatakan oleh Gray dan Sloan sebagai "ibu strategi". Berbeza dengan geo-politik, geo-strategis menyokong strategi aktif dan mentafsir geo-politik dari perspektif nasionalis (Zaid et al, 2021). Seperti semua teori politik yang lain, geo-strategi sangat berkaitan dengan konteks strategik iaitu kewarganegaraan ahli strategi, kekuatan sumber negaranya, ruang lingkup tujuan negaranya, geografi politik pada masa itu, dan faktor-faktor yang mempengaruhi ketenteraan teknologi, politik, ekonomi, dan penyertaan budaya.

Dalam konteks geo strategi, Malaysia terletak secara strategik di pusat laluan perdagangan Asia Tenggara. Malaysia juga terletak di laluan pengangkutan utama di dunia, iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan. Negara-negara ini sering menjadi tumpuan perhatian kuasa besar. Lokasi geografi ini mempengaruhi hubungan dua hala dan pelbagai hala antara Malaysia dan negara luar. Kepentingan politik, sosio-ekonomi, keselamatan, budaya, pertahanan negara dan kepentingan lain dari negara-negara serantau dan antarabangsa.

Dasar luar Malaysia dapat dilihat dalam kerjasama ASEAN dengan rantau lain. ASEAN adalah fokus utama dasar luar Malaysia (Idris et al, 2021). Sebagai salah satu negara pengasas ASEAN, Malaysia menyokong penuh dan mematuhi prinsip-prinsip asas yang termaktub dalam Piagam ASEAN, seperti menentang penggunaan kekuatan tentera dan tidak campur tangan dalam keutamaan politik dalaman negara anggota untuk menyelesaikan perselisihan secara damai (KLN & MKN, 2019). Ini bertujuan untuk menjaga keamanan wilayah yang juga menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran negara. Komitmen ini adalah untuk melindungi kepentingan strategik negara. Malaysia juga telah menjalin kerjasama strategik di peringkat serantau dengan turut serta secara aktif dalam Forum Rantau ASEAN (ARF), Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM), Lima Pertahanan Pertahanan (FPDA) dan organisasi keselamatan dan pertahanan serantau lainnya) untuk melindungi kepentingan nasional.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia menjalin hubungan baik dengan Amerika Syarikat, China, Perancis, Rusia, United Kingdom, Jepun, India, Australia, negara-negara EU dan beberapa negara lain yang mempunyai kepentingan strategik untuk Malaysia. Negara-negara ini penting kerana mereka mempunyai kemampuan untuk membentuk persekitaran politik dan ekonomi antarabangsa melalui cara kekuatan ketenteraan, ekonomi dan teknologi untuk memperluas pengaruh politik mereka, sambil menjaga kepentingan mereka melalui hubungan diplomatik ini.

Komitmen Malaysia untuk menyelesaikan isu-isu strategik global dalam organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Organisasi Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Komanwel, G-15, G-77 dan organisasi antarabangsa lain telah meletakkan kedudukan Malaysia sebagai negara rakan yang boleh dipercayai dan dihormati di peringkat antarabangsa. Melalui penyertaan aktif Malaysia dalam organisasi antarabangsa, ia dapat menonjolkan dan mempertahankan dasar dan kepentingan negara dalam isu keselamatan. Di samping itu, penyertaan negara dalam operasi pemeliharaan dan pemulihan damai pasca-konflik di pelbagai negara yang terlibat dengan perang, konflik dalaman dan bencana juga telah meningkatkan kesedaran masyarakat akan peranan dan keprihatinan Malaysia sebagai negara pendamai. Pelantikan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB, dan sebagai pengurus kumpulan seperti OIC, NAM dan G-77 antara lainnya memperlihatkan pengiktirafan oleh masyarakat antarabangsa terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia di peringkat global.

Hasil dasar luar Malaysia yang mempunyai hubungan baik dengan semua dengan semua negara dapat dilihat dalam situasi pandemic ini dimana Malaysia antara negara yang mendapat bekalan semua jenis vaksin (Razak & The Nation, 2021). Malaysia mendapat bekalan vaksin Pfizer-BioNTech daripada syarikat Pfizer yang berpengkalan di Belgium dan Amerika Syarikat. Malaysia juga mendapat bekalan vaksin Sinovac dari China. Hubungan Malaysia dan China terus berkembang positif dan erat meskipun berdepan cabaran getir kesan daripada penularan COVID-19. Kerjasama antara negara dalam pembelian vaksin, keselamatan makanan serta rantaian bekalan yang terjamin juga akan diteruskan dalam usaha mengatasi pandemik tersebut. Kerjasama dua hala juga akan diperkuuh menerusi penerokaan bidang baharu selain mengekalkan kerjasama sedia ada dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Bantuan kepada Malaysia di peringkat awal penularan pandemik COVID-19, membuktikan keakraban hubungan Malaysia dan China (Hisham, 2021).

Dasar luar Malaysia sangat penting untuk memerangi COVID-19 dan menghidupkan semula ekonomi negara. Malaysia berjaya menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 2020, telah membuktikan peranan penting Malaysia di peringkat antarabangsa. Pelan Pemulihan Komprehensif ASEAN telah dipersetujui pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 untuk memastikan akses Malaysia kepada vaksin siap. Ini juga termasuk penyediaan vaksin generasi baru. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga berusaha untuk memperluas pengiktirafan global mengenai sijil kesihatan digital atau pasport vaksin Malaysia, memberikan bantuan dan memudahkan kepulangan rakyat Malaysia yang terkandas di luar negara. Sumbangan alat pelindung diri (PPE) dan peralatan perubatan seperti topeng muka dan alat pernafasan serta pertukaran pengalaman dalam

menangani krisis COVID-19 juga merupakan salah satu hasil hubungan geosstratekik Malaysia dengan negara lain (Irawan, 2021).

7. METODOLOGI

Temu bual melibatkan perbualan antara penyelidik dengan subjek kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Melalui temu bual, data diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkuuh dan diperlengkapkan. Perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Interaksi antara penemubual dan juga responden amat penting untuk memperolehi maklumat dari responden secara lisan.

Kajian ini dilakukan secara temu bual secara lisan. Untuk proses menemu bual secara lisan, orang sumber dikenalpasti. Kemudian, siasatan latar belakang diteruskan. Setelah itu temu bual dan wawancara akan dilakukan bersama tokoh yang telah dikenalpasti dan melakukan sesi rakaman ketika perbualan tersebut berlangsung.

Prof Dr Azmi Bin Haji Hassan yang lebih mesra dikenali sebagai Prof Azmi Hassan telah dipilih kerana beliau layak menjadi seorang tokoh cendekiawan yang berjaya dan beliau mempunyai pengalaman yang banyak dalam bidang pendidikan, geostrategi dan juga dalam menganalisis politik. Beliau adalah seorang pakar geostrategik yang berjaya di Malaysia ini. Prof Azmi memiliki PhD dalam bidang pengajian satelit bumi. Dengan kemahiran yang beliau miliki beliau telah menjadi seorang pensyarah, pakar geostrategi dan juga pakar penganalisis politik.

Bagi mengumpulkan data kajian ini beberapa langkah telah dijalankan iaitu melalui sumber internet untuk mendapatkan maklumat berkenaan tokoh yang dipilih seperti, latarbelakang, kerjaya dan sumbangan beliau. Beberapa maklumat telah diperolehi melalui laman sosial iaitu facebook, laman web tempat beliau pernah berkhidmat dan juga sumber dari internet. Langkah ini dilakukan sebelum menemu bual beliau.

Dalam mengumpulkan data kajian yang diperlukan, satu proses temu bual dijalankan secara maya iaitu melalui Google Meet. Google Meet merupakan sebuah platform maya yang amat praktikal dan mudah untuk dilayari oleh sesiapa sahaja.

8. HASIL KAJIAN

Prof Dr Azmi Hassan merupakan pakar geo-strategik dan penyelidik di Perdana School and INSTECH untuk mengupas isu-isu semasa berkaitan geo-strategik. Beliau mendapat mendapat ijazah di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Ukur Tanah. Seterusnya beliau menyambung pengajian peringkat Sarjana dan Master di University of Wisconsin-Madison dalam bidang engineering lebih spesifik lagi adalah dalam bidang GPS satellite. Beliau telah menghasilkan 1000 artikel media berkaitan geosstratekik dan geopolitik.

Hasil temubual dengan Prof Dr Azmi Hassan, beliau menjelaskan bahawa geosstrategi adalah satu ungkapan yang beliau buat mengaitkan dua bidang utama geo adalah bidang yang beliau pelajari iaitu geomatic dan geospatial. Geomatic adalah mengenai engineering peta mengenai navigasi dan lokasi di dunia. Strategi adalah hal-hal politik. Sumbangan beliau dalam bidang geo strategi ialah beliau banyak memberi pendapat, banyak membuat analisis dalam hal-hal berkaitan politik yang banyak kaitkan dengan hal-hal luar negara. Contoh isu yang berlaku di kepulauan Samoa selepas pilihan raya pada bulan Mei lepas. Perdana Menteri Baru telah dilantik tapi Perdana Menteri lama bertindak mengunci parliment kerana tidak mahu melepaskan jawatan. Hal begini antara analisis Prof Dr Azmi kaitkan dengan apa yang berlaku di negara kita. Ini yang dikatakan bidang geo strategi merangkumi semua bidang. Ini dapat disokong oleh kamus online Merriam-Webster yang menjelaskan geo strategik adalah satu cabang geopolitik yang berkaitan dengan strategi, gabungan faktor geopolitik dan strategik

yang mencirikan kawasan geografi tertentu dan penggunaan strategi oleh pemerintah berdasarkan geopolitik. Dalam kata lain ia adalah sejenis dasar luar.

Berdasarkan temubual dengan Prof Dr Azmi Hassan geosstrategi adalah pengetahuan penting kepada negara kerana ia membantu untuk membuat keputusan. Sebagai contoh Prof Azmi Hassan berkongsi satu kejadian pesawat Israel melalui ruang udara kita selepas mendapat kebenaran pihak berkuasa. Pada pendapat beliau, kebenaran sepatutnya tidak diberikan kerana ianya adalah pesawat Israel yang mempunyai kelengkapan risikan. Kesilapan pihak berkuasa memberi kebenaran dan tidak sensitif tentang perasaan rakyat Malaysia yang bersedih pada ketika serangan di Gaza oleh Israel sedang berlaku. Seharusnya pihak berkuasa kita tidak beri kebenaran dengan mengambil kira semua perkara, sensitiviti rakyat Malaysia dan keadaan yang berlaku di Gaza. Bezanya kalau seorang penjawat awam itu ada pengatahan geostrategik keputusan sudah pasti ia berbeza ini menunjukkan betapa pentingnya bidang geostrategi ini ataupun seorang geostrategis.

Pentingnya pengetahuan geostrategi amat ditagihkan dari seorang penjawat awam. Prof Dr Azmi mengatakan bahawa sebagai seorang penjawat awam tidak kira di mana penempatan kerja kita sekalipun, kita kena tahu semua perkara untuk memudahkan kita membuat keputusan. Ini menunjukkan pentingnya pemikiran sebagai geostrategis. Sebagai contoh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah merupakan pakar kesihatan awam tetapi apabila beliau bercakap bidang beliau sahaja sangat spesifik. Akan tetapi hal pandemik ini lebih meluas lagi dari kesihatan kerana ia berkait dengan ekonomi dan sosial. Pendekatan beliau silap kerana ulasannya semua berkisar tentang kes positif berdasarkan bidang kepakaran beliau. Ini menyebabkan kita diprogramkan apabila kes naik tujuh ribu membuatkan ramai yang risau dan sebaliknya berlaku apabila kes menurun. Jika Tan Sri Dr Noor Hisham Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia adalah seorang geostrategist, cara pendekatan beliau mungkin berbeza. Inilah pentingnya pengetahuan luas terhadap satu hal dengan mengambil kira hal-hal semua perkara. Ini membuktikan pemikiran geostrategi amat ditagihkan dan bermanfaat kepada penggubal dasar

Seterusnya, Prof Dr Azmi ada mengupas tentang isu enam belas pesawat China melintasi perairan Malaysia. Pada pendapat beliau, pesawat China memang melintasi perairan negara tapi pesawat China itu belum melangkaui ruang udara kedaulatan Malaysia. Dengan kata lain pesawat China hanya menghampiri. Yang paling penting adalah apakah tindakan selanjutnya yang diambil oleh pihak kerajaan Malaysia. Sebagai contoh, pada Jun 2016 terpampang di akhbar Indonesia, dengan tajuk beritanya adalah “F16 TNI angkatan udara Indonesia mencegat Hackulist Malaysia”. Kenapa pihak Indonesia mencegat dan memintas adalah kerana Hackulist Tentara Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menghampiri ruang udara Indonesia. Indonesia sememangnya pandai menggunakan isu ini untuk meniupkan semangat nasionalis. Akan tetapi hal pesawat PLA milik China ini, pihak kerajaan Malaysia tidak pandai menggunakan isu ini untuk meniup semangat cinta negara di kalangan rakyatnya. Isu sebegini terus dilupakan sahaja. Oleh kerana itu pengetahuan geostrategist itu penting. Denagn adanya penglibatan geostrategis, tindakan berbeza akan diambil. Kalau kerajaan Malaysia mempunyai pemikiran geostrategik, pasti tindakan yang sama diambil seperti kerajaan Indonesia.

9. KESIMPULAN

Kesimpulanya, hubungan geo strategi Malaysia dipengaruhi dan dibentuk oleh tiga faktor utama iaitu lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara, ciri-ciri Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan utama maritim dan demografi penduduk yang unik. Kerjasama geosstrategi amat penting kepada Malaysia dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan mapan. Pentingnya hubungan geosstrategi Malaysia adalah untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta menyumbang secara bermakna ke arah masyarakat dunia yang adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang effektif. Selain itu, hubungan geosstrategi juga mempertingkatkan pendekatan dan penglibatan Malaysia dalam hubungan dan kerjasama serantau. Pada masa yang sama, pengukuhan

aspek-aspek hubungan dua hala dan pelbagai hala antara Malaysia dan dunia sejagat akan terus menjadi fokus penting. Kesejahteraan negara adalah berasaskan hubungan mesra dan kukuh dengan negara-negara lain beserta komitmen negara terhadap aktiviti pelbagai hala.

Rujukan

- Idris , R., & Abd Mutualib, Z. (2021, March 1). Malaysia pelihara hubungan baik dengan negara luar. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791400/malaysia-pelihara-hubungan-baik-dengan-negara-luar>.
- Gita Irawan. (2021, March 13). Kepala Ksp Moeldoko: Vaksin Bukan Lagi Persoalan Obat, Tapi Geopolitik dan Geostrategi . (Theresia Felisiani, Ed.)Tribunnews.com. <https://www.tribunnews.com/nasional/2021/03/23/kepala-ksp-moeldoko-vaksin-bukan-lagi-persoalan-obat-tapi-geopolitik-dan-geostrategi>.
- Hisham , S. (2021, February 27). Ketibaan Vaksin COVID-19 Sinovac Tanda Hubungan Baik Malaysia-China. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/87311>.
- Kementerian Luar Negeri Malaysia, pmo.gov.my (2019). pmo.gov.my. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Dasar-Luar-Malaysia.pdf>.
- Majlis Keselamatan Negara, pmo.gov.my (2019). pmo.gov.my. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa_Melayu-DASAR_KESELAMATAN_NEGARA.pdf.
- The Nation. (2021, June 13). Us pledges to help Thailand procure vaccines. Thestar. <https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/06/03/us-pledges-to-help-thailand-procure-vaccines>.
- Razak, N. (2021, June 19). Dato Seri Najib Razak Minta Kerajaan Berunding dengan Amerika Syarikat Isu Lebihan Vaksin. https://m.facebook.com/najibrazak/photos/a.294787430951/10157928457630952/?type=3&source=48&se_imph=0gxdC4vEKm4fglr03.
- Zaid, M. A. S., Izani, M. N., & Hasaan, A. (2021, June 20). Temubual Bersama Prof Madya Sr Azmi Hassan Pakar Geostrategik. personal.